



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KARNIVAL WILD BETTA LOVERS MALAYSIA

1. Karnival Wild Betta yang berlangsung pada 16 hingga 22 September 2019 ini merupakan anjuran Persatuan Pencinta Ikan Laga Liar Malaysia (*Wild Betta Lovers Malaysia*). Karnival selama 7 hari ini diadakan di Laman Perikanan MAEPS, Serdang dengan penglibatan pencinta-pencinta ikan laga dan pengusaha ikan tersebut di Malaysia.
2. Pengisian program sepanjang karnival ini berlangsung adalah aktiviti pendidikan termasuk sesi perkongsian ilmu (knowledge sharing session), transisi kerjaya untuk anak-anak autisme dan OKU, pertandingan kecantikan ikan laga liar, pameran dan jualan ikan-ikan laga liar. Aktiviti ini dilihat dapat membantu merapatkan jaringan pengusaha-pengusaha dalam industri dan seterusnya merancakkan ekonomi negara.
3. Dengan mempopularkan ikan laga liar Malaysia serta menaik taraf profesionalisma pemain-pemain dalam industri ini akan menarik minat peminat ikan ini samada tempatan dan luar negara terhadap spesies ikan laga liar Malaysia. Ini dapat mengurangkan aktiviti import ikan-ikan ini dan membuka pasaran ikan laga liar Malaysia ke pasaran dunia.
4. Pada tahun 2017, sebanyak 325 juta ekor ikan hiasan dan 112 juta ikat tumbuhan akuatik yang bernilai RM 340 juta dihasilkan.

Ini termasuk ikan hiasan daripada kumpulan *Anabantids* yang merangkumi ikan Betta iaitu sebanyak 18.4 juta ekor bernilai RM 22.7 juta. Industri Ikan Hiasan merupakan salah satu industri yang penting dimana seramai 548 orang pengusaha dan 1433 orang pekerja terlibat dalam industri ini. Industri ikan hiasan adalah berorientasikan pasaran eksport.

5. Pada satu ketika Malaysia merupakan pengeksport KEDUA terbesar di dunia selepas Singapura. Mengikut perangkaan dunia pula, Malaysia menduduki tempat KELAPAN negara pengeksport ikan hiasan dunia dan Singapura kekal di tempat PERTAMA pada tahun 2016. Berbagai usaha dan program telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk meningkatkan industri ikan hiasan negara. Ikan laga liar ini merupakan khazanah negara yang sewajarnya mendapat perhatian seperti terumbu karang. Kesungguhan Persatuan Pencinta Ikan Laga Liar Malaysia (*Wild Betta Lovers Malaysia*) yang telah berusaha keras dalam mengumpul dan membiakkan pelbagai spesies ikan laga liar terutamanya ikan-ikan laga liar Malaysia adalah satu usaha yang seharusnya diberi perhatian.
6. Oleh itu, sebagai inisiatif untuk menyebarkan informasi mengenai ikan laga, YBhg. Dato' Hj Munir B. Mohd Nawi selaku Ketua Pengarah Perikanan mencadangkan agar Presiden Persatuan Pencinta Ikan Laga Liar Malaysia, Ir Zulkifli mengeluarkan satu "Wild Betta Handbook" yang mengandungi gambar-gambar serta informasi berkaitan ikan-ikan laga liar di Malaysia untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada masyarakat luar.

7. Antara usaha lain yang ditunjukkan oleh persatuan ini iaitu telah berjaya menggubal Malaysia Wild Betta Standards yang boleh menyeragamkan penjurian pertandingan kecantikan ikan-ikan laga liar di Malaysia. Ini secara langsung akan menaikkan imej dan profesionalisma penganjuran. Persatuan ini juga digalakkan untuk mengadakan WILD BETTA VILLAGE dimana kesemua ikan-ikan laga spesies Malaysia dapat dipamerkan dan sekaligus menjadi pusat pendidikan dan rujukan. Selain itu, ia boleh dijadikan sebagai satu aktiviti Agro Tourism dengan penganjuran Pertandingan Kecantikan Ikan-ikan laga liar.
8. Jabatan Perikanan amat menyokong usaha-usaha sebegini dan berharap ianya menjadi pemangkin ke arah menjadikan Industri Ikan Laga Liar Malaysia ini bertaraf dunia. Jabatan juga amat menyokong sekiranya karnival ini dijadikan sebagai acara tahunan didalam kalendar Jabatan Perikanan. Ini diyakini dapat memupuk lagi minat serta menarik lebih ramai peminat ikan laga liar Malaysia.
9. Karnival yang dirasmikan pada hari ini juga menyaksikan pelancaran buku Malaysia Wild Betta Standards dan Malaysia Wild Betta Handbook oleh YBhg. Dato' Haji Munir B. Hj. Mohd Nawi, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

17 September 2019 (Selasa) jam 10.00 pagi.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my